

Jumlah Pelaburan Diluluskan



**RM164
bilion**

4,599 projek dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan primer

114,673 pekerjaan berpotensi

Sektor Pembuatan menerajui dengan jumlah pelaburan sebanyak **RM91.3 bilion**

Sektor Perkhidmatan RM66.7 bilion

Sektor Primer RM6.0 bilion

Pelaburan Langsung Domestik (DDI) menyumbang 60.9% atau RM99.8 bilion

Pelaburan Langsung Asing (FDI) 39.1% atau RM64.2 bilion

Perkongsian Ekonomi Asia Pasifik



Norma Baharu: Selamat Tinggal kepada Mesyuarat Fizikal, Merintis Penganjuran APEC Secara Maya

Malaysia hoskan **Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2020**

Wawasan Putrajaya APEC 2040 memfokus 3 pemacu ekonomi utama

- 1 **Perdagangan dan Pelaburan**
- 2 **Inovasi dan Pendigitalan**
- 3 **Pertumbuhan Kukuh, Seimbang, Selamat, Mampan dan Inklusif**

Pengiktirafan

Malaysia memperbaiki kedudukannya kepada 26 berbanding 29 dalam kalangan 88 negara dalam Indeks Daya Saing Bakat Global 2020

Malaysia diiktiraf sebagai negara kelapan paling inovatif antara ekonomi Asia dalam Indeks Inovasi Global 2020 – Pertubuhan Harta Intelek Sedunia

Malaysia menduduki tempat kelima dalam kajian Bloomberg yang dikeluarkan pada Disember 2020 yang mengukur 17 pasaran membangun


Kajian bersama oleh *Klynveld Peat Marwick Goerdeler (KPMG)* dan *The Manufacturing Institute* yang berpangkalan di Washington, DC, "Kos Operasi Pembuatan di Seluruh Dunia", **Malaysia menduduki tangga keempat dalam kalangan 17 negara,** mengatasi RRC, India, Jepun dan Vietnam

Malaysia terus disenaraikan antara **10 negara teratas untuk melabur atau menjalankan perniagaan** oleh Majalah *CEOWORLD*

NEXUS Produktiviti Sembilan Subsektor

Agromakanan	Kimia dan Produk Kimia	Digital
Elektrik dan Elektronik	Jentera dan Peralatan	Penjagaan Kesihatan Swasta
Servis Profesional	Peruncitan dan F&B	Pelancongan

Rangka Kerja Kecemerlangan Perniagaan Malaysia



Tujuh (7) Kriteria MBEF
Pendekatan penilaian menyeluruh merentas tujuh (7) kriteria atau bidang tumpuan yang saling berkait. Kepimpinan memacu organisasi untuk mencapai Keputusan melalui keberkesanan proses dalam Strategi, Maklumat, Pelanggan, Tenaga Kerja dan Proses. Organisasi Belajar, Berinovasi dan Berubah daripada Keputusan untuk menambah baik semua bidang tumpuan lain, yang seterusnya membawa kepada Keputusan yang lebih baik. Kriteria ini dibina berdasarkan 11 Prinsip Panduan manakala latar belakang organisasi – iaitu hala tuju dan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi – membentuk Tinjauan Organisasi.



Di sebalik ujian dan kesukaran yang dihadapi pada tahun 2020, hakikatnya ekonomi Malaysia masih memiliki asas yang kukuh yang mana menurut Bank Dunia dan beberapa badan antarabangsa, negara kita kekal teguh untuk menghadapi cabaran semasa dan untuk muncul lebih kuat dan berdaya tahan

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Kanan
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

